

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]

TARIKH : 30 MAC 2015

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci sejak kemerdekaan, berapa orang dan siapakah yang pernah didakwa dalam kes liwat, iaitu kesalahan seksyen 377B Kanun Keseksaan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seksyen 377B Kanun Keseksaan merupakan peruntukan baharu yang diwujudkan melalui Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989 [*Akta A727*] yang berkuat kuasa mulai 5 Mei 1989.
2. Sehubungan dengan itu, statistik jumlah kesalahan di bawah seksyen 377B Kanun Keseksaan hanya boleh diperolehi, sekiranya ada, sejak tahun 1989 sahaja.
3. Mengikut rekod Jabatan Peguam Negara, bagi tempoh 2010 hingga 2014, seramai 34 orang telah didakwa di bawah seksyen 377B Kanun Keseksaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 27 kes telah selesai, manakala 7 lagi kes masih di peringkat perbicaraan.

Sekian, terima kasih.